

13 JUN 1997

Abdullah-Pengalaman

MALAYSIA YAKIN D-8 BOLEH BERJAYA

Oleh: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 13 Jun (Bernama) -- Malaysia yakin kerjasama baru di kalangan lapan negara Islam yang dinamakan Kumpulan D-8 boleh berjaya dengan ia sendiri sedia berkongsi segala pengalamannya sebelum ini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia juga tidak akan menghiraukan apa jua pandangan yang diberikan oleh pihak lain berhubung penubuhan kumpulan perintis itu yang akan mengadakan sidang kemuncak pertamanya di sini, Ahad ini.

"Kita tidak akan kedekut pengalaman. Kita akan bantu negara-negara lain tanpa ragu-ragu," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Selain Malaysia, kumpulan perintis D-8 terdiri daripada Bangladesh, Indonesia, Iran, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki.

Malaysia akan diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat ketua-ketua kerajaan kumpulan itu.

Abdullah berkata, walaupun Malaysia diminta menyediakan kertas kerja berhubung penswastaan, perbankan dan insurans Islam, ia tidak keberatan untuk membantu dalam bidang-bidang lain yang ia telah perolehi kejayaan.

"Selain tiga bidang itu, Malaysia mempunyai banyak contoh kejayaan dalam bidang lain seperti pembasmian kemiskinan dan skim penjana pelaburan rakyat. Kita boleh pindahkan kepakaran ini kepada negara-negara membangun," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya penubuhan kumpulan itu mahu dijadikan landasan politik pihak tertentu di Turki, Abdullah berkata Malaysia yakin terhadap hasrat murni ke arah penubuhan kumpulan itu dan percaya ia tidak mempunyai apa-apa tujuan politik.

"Ini kerjasama yang baik dan boleh memberi faedah yang besar kepada negara-negara membangun. Sejak awal lagi, tidak timbul soal D-8 dijadikan landasan politik," katanya lagi.

Idea penubuhan Kumpulan D8 diilhamkan oleh Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan untuk mewujudkan permuafakatan ekonomi dalam kumpulan yang kecil agar ia lebih berkesan dan jitu.

Bagaimanapun, kalangan pembangkang yang pro sekular di Turki mengkritik kerajaan campuran pimpinan Erbakan kerana mengilhamkan dan menganjurkan D-8 serta menganggapnya sebagai permainan politik untuk mendapatkan sokongan daripada kumpulan pro Islam bagi mengukuhkan kedudukannya.

Menurut Abdullah, Malaysia tidak peduli jika ada pihak yang mahu melihat D-8 tidak berjaya.

"Yang penting sekarang ialah negara-negara anggota perlu menggariskan program kerjasama yang benar-benar boleh dilaksanakan dengan berjaya," kata beliau.

Mengenai kemungkinan keanggotaan kumpulan D-8 diperluaskan kepada negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang lain, Abdullah berkata perkara itu akan dibincangkan oleh ketua-ketua negara yang akan bermesyuarat Ahad ini.

Bagaimanapun, katanya, terpulanglah kepada negara-negara anggota OIC yang lain jika berminat menyertai D-8. -- BERNAMA

MOK PR